

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

09.02.2018

SUARA MSWG

Pasaran modal tempatan menerima galakan minggu ini apabila pengumuman dibuat mengenai langkah-langkah baharu untuk merangsang pasaran.

Ini termasuk meliberalisasikan peraturan pembiayaan margin yang membenarkan urusan jualan singkat kepada SEMUA pelabur serta memperkenalkan kategori baharu pedagang yang berdagang dengan akaun mereka, yang dikenali sebagai 'Pakar Perdagangan', semestinya bertujuan meningkatkan penyertaan pasaran.

Langkah-langkah lain termasuk memperkenalkan program insentif berasaskan volum dan memberi pelabur baharu pengecualian ke atas yuran dagangan dan bayaran penjelasan selama enam bulan, kedua-duanya diperkenalkan untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan.

PM juga mengumumkan penubuhan Malaysia-Singapore Connect, yang membolehkan para pelabur pasaran saham di kedua-dua negara berdagang dalam pasaran modal satu sama lain secara lancar.

Tentang Jualan Singkat

Pada masa ini, Malaysia hanya membenarkan para pelabur membeli saham ('jualan panjang') jika mereka percaya saham itu berada pada nilai rendah. Pelabur tidak dibenarkan menjual saham yang bukan kepunyaan mereka, jika mereka percaya saham itu bernilai tinggi ('jualan singkat'), kecuali sekuriti yang memenuhi syarat tertentu untuk jualan singkat yang mengikut peraturan.

Malah, apabila mula-mula diperkenalkan, beberapa langkah perlindungan telah diletakkan pada jualan singkat misalnya saham perlu terlebih dahulu dipinjam menggunakan mekanisme Pinjaman dan Peminjaman Saham (SBL). Kaunter untuk menjalankan jualan singkat juga terhad.

Jualan singkat hanya disediakan kepada wakil peniaga tertentu yang perlu menutup kedudukan singkatnya pada asas urus niaga harian. Peraturan 'uptick' selanjutnya memastikan mereka hanya boleh membuat jualan singkat pada harga yang lebih tinggi daripada harga akhir.

Tidak kira sama ada sifat primal (stigma yang kurang popular terhadap mereka yang bertaruh saham akan turun) atau hanya mengambil pendekatan bercanggah kepada peserta yang mahu (atau sanggup) melihat harga saham meningkat, jualan singkat biasanya tidak digemari.

Melihat dari pandangan hipotesis pasaran yang cekap, jualan singkat memainkan peranan penting dalam pasaran kerana ia memudahkan penemuan harga, meningkatkan kecairan dan menambahkan kecekapan pasaran.

Cadangan terkini untuk meliberalisasikan jualan singkat meletakkan kepentingannya sebagai strategi pasaran memandangkan saham hanya dapat dinilai dengan tepat jika ia membenarkan para peserta pasaran menilainya (dan mengambil tindakan yang sewajarnya) di kedua-dua penghujung syarat meletakkan harga, iaitu anda membeli saham bernilai rendah kerana anda menjangkakan harganya akan meningkat dan anda menjual saham bernilai tinggi kerana anda menjangkakan harganya akan turun.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Tan Sri Ranjit Ajit Singh dengan pantas menambah pendirian SC iaitu jualan singkat saham yang tidak dimiliki akan tetap dilarang. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sama ada larangan jualan singkat seperti ini akan mencapai hasil yang diharapkan.

Tentang Malaysia-Singapore Connect

Inisiatif minggu ini bertujuan meningkatkan semangat pasaran tempatan dan integrasi merentas sempadan dengan pasaran Singapura, dengan cabaran peraturan pasaran bersama oleh SC dan Pihak Berkuasa Monetari Singapura.

Ini sepadan dengan usaha berterusan Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) untuk meningkatkan kesalinghubungan kewangan di seluruh pasaran modal ASEAN.

Hubungan dua hala ini melangkaui perdagangan untuk memasukkan pengaturan pasca perdagangan seperti penjelasan dan penempatan serta operasi depositori. Pelaksanaan aktiviti ini, termasuk pengawasan dan penguatkuasaan merentas sempadan, akan dipermudahkan oleh pengajaran daripada Pautan Dagangan ASEAN yang tidak lagi beroperasi (ditamatkan tahun lepas, iaitu lima tahun selepas pelancarannya).

Kami yakin akan ada lebih banyak kerjasama yang meningkatkan nilai pasaran antara Malaysia dan Singapura.

Pembetulan Pasaran Minggu Ini

Ketangkasan pendakian pasaran pada 2018 terbantut seketika pada minggu ini apabila seluruh rantau menuruti isyarat Amerika dan melepaskan sebahagian besar, jika tidak semua, keuntungan pada masa yang akan datang, disebabkan kebimbangan inflasi.

Atau dalam penerangan yang lebih mudah, kebimbangan berkaitan kadar pertumbuhan/ pemulihan ekonomi di Malaysia dan di Amerika Syarikat mungkin mencetuskan peningkatan kadar yang lebih cepat, seterusnya menjerumuskan ekonomi yang sangat berpengaruh kepada kemelesetan.

Kebimbangan ini bukanlah tidak berasas sama sekali kerana ia juga sebahagian daripada tindak balas melampau yang mengakibatkan pembetulan pasaran yang serius.

Hutang isi rumah kekal tinggi di Malaysia, iaitu kira-kira 90% daripada KDNK. Begitu juga hutang korporat, akibat kadar faedah akomodatif yang diperkenalkan sedekad lalu.

Fenomena kadar rendah yang sama ini turut membimbangkan apabila kita menyaksikan hutang kerajaan Malaysia, termasuk liabiliti luar jangka, kekal tegar pada kira-kira 75% daripada KDNK.

Jika kos pinjaman meningkat, kebimbangan berlakunya kemelesetan mungkin meningkat, walaupun agak melegakan kerana ia berlaku dalam tempoh ekonomi yang menunjukkan tanda-tanda kemajuan dan pemulihan yang sihat.

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

CAELY HOLDINGS BHD (“CHB”)

Pada 16 Januari 2018, CHB mengumumkan syarikat itu bercadang untuk mengeluarkan satu terbitan bonus sebanyak 40,000,000 Waran, pada asas satu (1) Waran bagi setiap dua (2) saham biasa sedia ada dalam CHB yang dipegang oleh pemegang saham CHB yang berhak pada tarikh hak yang akan ditentukan kemudian (“Cadangan Terbitan Bonus Waran”).

[Sumber: Pengumuman CHB di laman web Bursa Malaysia pada 16 Januari 2018]

KOMEN MSWG:

Kebimbangan MSWG adalah pada Lembaga Pengarah CHB yang memberi maklumbalas kepada pertanyaan Aktiviti Pasaran Luar Biasa (“UMA”) oleh Bursa Malaysia pada 5 Januari 2018 yang mengatakan mereka tidak mengetahui apa-apa perkembangan korporat, khabar angin atau laporan mengenai perniagaan dan urusan Kumpulan dan tiada penjelasan lain yang mungkin menyumbang kepada UMA walaupun 11 hari kemudian iaitu pada 16 Januari 2018, mereka mengumumkan Cadangan Terbitan Bonus Waran.

Sangat mustahil jika Lembaga Pengarah tidak menyedari Cadangan Terbitan Bonus Waran pada 5 Januari 2018. UMA mungkin disebabkan oleh mereka yang berdagang dengan maklumat istimewa, iaitu Pengumuman Terbitan Bonus Waran yang akan datang. Kami berharap Bursa Malaysia boleh mendapatkan lebih banyak maklumat daripada Lembaga Pengarah bagi menentukan sama ada mereka sedar tentang Cadangan Terbitan Bonus Waran pada 5 Januari 2018, tarikh syarikat menjawab UMA dan mengukuhkan kebenaran perkara itu. Pengawal selia mengharapkan medan permainan yang adil dan semua maklumat sensitif harga diumumkan tepat pada masanya.

TINJAUAN MINGGUAN AGM MSWG UNTUK TEMPOH 12 HINGGA 16 FEBRUARI 2018

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
13.02.18 (Selasa) 09.30 pagi	Puncak Niaga Holdings Bhd (EGM)	Concorde Hotel Shah Alam, No. 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, Shah Alam
13.02.18 (Selasa) 11.00 pagi	Kuala Lumpur Kepong Bhd (AGM)	Wisma Taiko, 1 Jalan S.P. Seenivasagam, Ipoh, Perak
13.02.18 (Selasa) 02.30 petang	Batu Kawan Bhd (AGM)	Wisma Taiko, 1 Jalan S.P. Seenivasagam, Ipoh, Perak
15.02.18 (Khamis) 10.30 pagi	TH Heavy Engineering Bhd (EGM)	Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, Jalan Bukit Kiara, Off Jalan Damansara, KL

Perkara penting untuk diajukan:

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Puncak Niaga Holdings Bhd (EGM)	Kami mendapati pada halaman 11 Pekeliling, julat nilai berpotensi dikurangkan sehingga RM25.32 juta jika aset cukai tertunda tidak direalisasikan. Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan Puncak Niaga untuk merealisasikan aset cukai tertunda?
Kuala Lumpur Kepong Bhd (AGM)	<p>1) Ulasan Kewangan pada halaman 26 laporan tahunan menyatakan, dalam TK2017, keuntungan operasi perniagaan Bahagian Oleokimia menunjukkan penurunan 61% iaitu daripada RM299.4 juta dalam TK2016 kepada RM115.5 juta dalam TK2017. Kemerosotan ini disebabkan oleh penurunan nilai saham dan kerugian aset utama yang disebabkan oleh lindung nilai pembelian bahan mentah seperti yang dilaporkan dalam Penyata Pengerusi pada halaman 18 laporan tahunan.</p> <p>Bolehkah Lembaga kongsi dasar lindung nilai Kumpulan bagi pembelian bahan mentah? Adakah dasar ini akan diubah bagi memastikan penurunan yang sama tidak berlaku lagi pada masa akan datang?</p> <p>2) Kumpulan menanam kira-kira 8,000 hektar kelapa sawit di Liberia yang mana 40% sudah matang dengan usia antara 4 hingga 9 tahun. Seperti yang dilaporkan dalam Analisis dan Perbincangan Pengurusan pada halaman 29 laporan tahunan, kemajuan di Liberia agak perlahan sementara menunggu penyelesaian beberapa isu tanah, pelaksanaan pendekatan kaedah Stok Karbon Tinggi yang disyorkan serta pelaksanaan impak sosial dengan masyarakat setempat.</p> <p>(a) Berapakah pendapatan dan keuntungan bersih yang disumbangkan oleh Operasi di Liberia pada TK2017?</p> <p>(b) Berapakah keluasan kelapa sawit yang akan matang pada TK2018 dan apakah sumbangan keuntungan yang diharapkan daripada operasi di Liberia pada TK2018?</p> <p>(c) Bolehkah Lembaga maklumkan perkembangan terkini tentang isu tanah, pelaksanaan kaedah pendekatan Stok Karbon Tinggi yang disyorkan serta pelaksanaan impak sosial dengan masyarakat setempat?</p>
Batu Kawan Bhd (AGM)	<p>1) Kenyataan Pengerusi melaporkan pada Halaman 22 Laporan Tahunan 2017, sumbangan keuntungan daripada bangunan Menara KLK untuk TK2017 adalah RM2.66 juta iaitu 38% lebih rendah daripada sumbangan keuntungan untuk TK2016. Kemerosotan ini disebabkan oleh kekosongan selepas beberapa penyewa keluar selepas tamat tempoh penyewaan mereka.</p> <p>(a) Berapakah kadar penghunian Menara KLK pada 30 September 2017 dan 30 September 2016? Berapakah kadar penghunian semasa?</p> <p>(b) Berapa peratuskah penyewaan yang perlu diperbaharui pada TK2018 dan apakah jangkaan kadar pembaharuan itu?</p> <p>(c) Melihat lebih bekalan ruang pejabat, terutama di Lembah Klang yang dijangka berterusan pada 2018, apakah langkah dan strategi yang diambil untuk mengekalkan penyewa sedia ada dan menarik penyewa baharu ke bangunan itu?</p> <p>2) Nota 21 kepada Penyata Kewangan menunjukkan usaha sama mencatatkan kerugian sebanyak RM75,820,000 dalam TK2017 berbanding keuntungan sebanyak RM25,797,000 dalam TK2016.</p>

Perkara penting untuk diajukan:

	(a) Usaha sama manakah yang menyumbang kepada kerugian dalam TK2017? (b) Sejauh manakah Syarikat mengawal operasi perniagaan usaha sama itu? Adakah terdapat Wakil Lembaga Pengarah dalam syarikat usaha sama? (c) Adakah usaha sama berkenaan dijangka beroleh keuntungan dalam TK2018?
TH Heavy Engineering Bhd (EGM)	Seperti yang dinyatakan dalam halaman 10 Pekeliling, Cadangan Pembaharuan Kontrak JX Nippon hanya boleh dilaksanakan tertakluk pada hasil Rayuan GMOS dan apa-apa rayuan selanjutnya yang mungkin difailkan oleh GMOS atau Syarikat. Apakah rancangan Lembaga Pengarah jika Cadangan Pembaharuan Kontrak JX Nippon tidak dapat dilaksanakan?

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat elaine.choo@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Abdul Halim Alias, Pengurus, Pemantauan Korporat halim.alias@mswg.org.my

Mustaqim Yusof, Penganalisa, Khidmat Korporat mustaqim.yusof@mswg.org.my

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Caely Holdings Bhd.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.